

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
(SETIU)**

TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN :

**Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan jumlah kes kematian bayi dan kanak-kanak di taska
(*nursery*) bagi 5 tahun ini.**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan laporan yang diterima jumlah kes kematian kanak-kanak di TASKA yang direkodkan di KPWKM dan diambil tindakan oleh pihak polis sejak tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti berikut:

Tahun 2011 - 6 kes

Tahun 2012 - 4 kes

Tahun 2013 - 7 kes

Tahun 2014 - 5 kes

Tahun 2015 - 1 kes

Jumlah keseluruhan 23 kes

Bagi mengelakkan berlakunya kes kematian bayi dan meningkatkan mutu perkhidmatan TASKA di negara ini, KPWKM melalui JKM telah meningkatkan penguatkuasaan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 bagi memastikan TASKA yang beroperasi berdaftar dan mematuhi standard yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah penyertaan yang diterima bagi skim MyDeposit setakat ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Skim MyDeposit menyediakan peruntukan sebanyak RM200 juta untuk tahun 2016 yang akan memberi faedah kepada pembeli rumah pertama yang berkelayakan. Di bawah Skim MyDeposit, insentif 10% daripada harga rumah atau maksima RM30,000 (yang mana lebih rendah) akan diberi kepada pembeli rumah pertama bagi pembelian rumah berharga RM500,000 dan ke bawah. Untuk rekod, dari 6 April 2016 sehingga 30 April 2016, Kementerian telah menerima sebanyak 3,609 permohonan lengkap.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah alternatif Kerajaan dalam mengekang masalah pukul pelajar yang dilakukan oleh guru-guru sekolah terhadap murid-murid.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi kes-kes yang dilaporkan mengenai guru yang memukul murid yang didapati berasas. Proses siasatan, pelaporan dan tindakan telah dilakukan mengikut prosedur sedia ada KPM. Peringatan kepada semua guru telah diberikan dari semasa ke semasa agar sentiasa mengikut prosedur sedia ada KPM dalam menguruskan denda dan hukuman terhadap kesalahan yang telah dilakukan oleh murid.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggubal peraturan atau undang-undang untuk mengawal harga kediaman supaya tidak terlalu membebankan rakyat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum mempunyai cadangan untuk menggubal peraturan atau undang-undang bagi mengawal harga rumah dalam pasaran.

Namun begitu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa mekanisme bagi mengawal harga rumah dalam pasaran seperti berikut:-

- (i) Menaikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai Januari 2014;
- (ii) Menaikkan harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing kepada RM1 Juta seunit;

- (iii) Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah secara terperinci termasuk semua manfaat / insentif yang bakal diberikan kepada pembeli;
- (iv) Melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) yang dikhuatiri boleh mengelirukan dan seterusnya memanipulasi pembeli rumah;
- (v) Mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat; dan
- (vi) Mengeluarkan panduan mengenai *Loan To Value* (LTV) bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya di mana pembeli hanya akan memperoleh pinjaman maksima 70% sahaja. Selebihnya perlu ditanggung sendiri.